

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Center for Testing, Measurement and Appraisal (CeTMA)
Sent: Selasa, 23 Mei 2017 3:00 ptg
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Subject: CeTMA ANJUR SIRI ULANGAN BENGKEL ATLAS.ti 8 WINDOWS

Importance: High



Pusat Pengujian, Pengukuran & Penilaian
Center for Testing, Measurement & Appraisal (CeTMA)
Universiti Utara Malaysia

23 Mei 2017 / 26 Syaaban 1438 Hijrah
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

CeTMA ANJUR SIRI ULANGAN BENGKEL ATLAS.ti 8 WINDOWS



CeTMA-Online: Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian (CeTMA) telah berjaya menganjurkan siri ulangan bagi bengkel *Qualitative Analysis ATLAS.ti 8 Windows* dan *Literature Review with ATLAS.ti 8 Windows*. Siri ulangan yang diadakan pada 21 dan 22 Mei 2017 ini bertempat di UTLC Learning Lab dan telah dikendalikan oleh Dr. Ani Munirah Mohamad, pensyarah di Pusat Pengajian Undang-undang yang merupakan salah seorang felo penyelidik di CeTMA. Ia merupakan susulan daripada sambutan yang amat menggalakkan daripada siri bengkel kualitatif yang telah diadakan pada bulan April 2017 yang lepas.

Bengkel kali ini telah melibatkan seramai 20 orang peserta. Kebanyakan peserta yang hadir sedang melanjutkan pengajian di peringkat ijazah kedoktoran di UUM dan USM serta seorang peserta daripada University of Essex.

Rata-rata peserta sangat berpuas hati dengan penganjuran bengkel ini dan pengisian yang disampaikan adalah relevan dalam memberi pengenalan awal kepada peserta tentang perisian ATLAS.ti dalam menganalisis data kualitatif dan juga membantu peserta dalam penulisan kajian literatur dengan lebih mudah.

Pihak CeTMA mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penceramah dan peserta di atas kerjasama mereka dalam menjayakan bengkel ini.

Sekian, terima kasih.

Pusat Pengujian, Pengukuran dan Penilaian (Center for Testing, Measurement & Appraisal (CeTMA)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia |

Tel: +6049284985/ 4981 | Fax: +6049284982 |



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.